



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Rabu, 1 April 2020
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

ULANG TAHUN HARI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN KE-74

Pada 1 April setiap tahun, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menyambut Ulang Tahun Hari Jabatan Pengangkutan Jalan bersempena penubuhan jabatan tersebut pada 1 April 1946. Pada tahun ini, JPJ akan menyambut ulang tahun yang ke-74 tetapi tidak dapat diraikan seperti lazimnya kerana negara sedang berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19 dan perlu mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan. Tindakan ini diambil bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19 yang boleh membawa implikasi lebih buruk kepada masyarakat dan negara kita.

Sebagai sebuah Jabatan yang termasuk dalam *essential services*, peranan JPJ amatlah penting dalam mengawal selia hal ehwal pengangkutan jalan di negara ini. Berdasarkan kepada statistik, purata penambahan kenderaan baharu adalah melebihi 1 juta setiap tahun di mana jumlah terkumpul kenderaan motor di Malaysia sehingga 31 Disember, 2019 adalah sebanyak 31.2 juta unit. Begitu juga dengan bilangan pemandu yang dilesenkan oleh JPJ menunjukkan peningkatan

sebanyak 10 peratus daripada 15.2 juta orang pada tahun 2018 kepada 16.8 juta pada tahun 2019. Jika dilihat kepada kutipan hasil pada tahun 2019, JPJ merupakan salah satu agensi yang tertinggi mengutip hasil negara, dengan kutipan sebanyak RM4.32 billion. Kutipan hasil yang dikutip akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan dan ianya akan digunakan oleh Kerajaan untuk manfaat rakyat secara keseluruhannya.

Peningkatan jumlah kenderaan dan bilangan pemandu yang dilesenkan serta peningkatan jumlah hasil ini menunjukkan bahawa pengangkutan jalan merupakan medium perhubungan penting dan semakin berkembang di negara ini. Perhubungan ini bukan sahaja melibatkan urusan sosial masyarakat seharian namun turut mengambil kira aspek perdagangan dan ekonomi negara.

Bagi Sambutan Hari JPJ kali ke-74 ini, *tagline* yang digunakan ialah 'Digitalisasi Melestari Integriti' di mana digitalisasi perkhidmatan dan penguatkuasaan merupakan agenda utama JPJ pada tahun ini dan pada tahun-tahun yang akan datang. Selain daripada integriti sebagai objektif utama, produktiviti dan kepuasan pelanggan merupakan fokus utama JPJ melalui agenda digitalisasi dan ini telah dibuktikan melalui pelaksanaan JPJeBid serta inisiatif digital lain yang telah dilaksanakan pada tahun yang lalu. Pada tahun ini juga, JPJ akan terus mengorak langkah untuk melestarikan digitaisasi melalui pelaksanaan *e-Testing* dan *Door to Door eRenewal* serta inisiatif-inisiatif yang lain.

Sempena Ulang Tahun Sambutan Hari JPJ yang ke- 74 ini, Kementerian Pengangkutan menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JPJ yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh iltizam dan bersemangat tanpa mengira waktu bagi terus memberikan perkhidmatan yang efisien dan terbaik kepada masyarakat.

Kementerian Pengangkutan juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada orang awam di atas segala sokongan dan kerjasama yang telah diberikan kepada JPJ selama ini dan berharap sokongan ini akan berterusan bagi menjadikan rakyat Malaysia sentiasa patuh kepada undang-undang di jalan raya.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
1 APRIL 2020**

- TAMAT -